

Headline	Sasabina cipta keriangan di taman		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 May 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	27	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	702 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,861
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,583



# Sasabina cipta keriangan di taman

NORHIDAYYU ZAINAL

## Faktor keselamatan mengikut standard menjadi keutamaan

Norhidayyu@sinarharian.com.my

**T**aman permainan adalah tempat paling menyeronokkan bagi kanak-kanak untuk bermain bersama rakan, apatah lagi jika peralatan dan persekitarannya cantik serta menarik. Namun begitu, tahap keselamatan peralatan perlu diutamakan agar ia tidak mendatangkan sebarang kecederaan kepada kanak-kanak ketika menggunakannya.

Menyedari hakikat berkenaan, syarikat pembuatan peralatan permainan kanak-kanak, Sasabina Recreation & Industries Sdn Bhd (Sasabina) menitikberatkan aspek tersebut dalam setiap peralatan yang dibekalkan.

Pengurus Pemasarannya, Mohd Hafiz Aziz berkata, peralatan permainan mempunyai risiko tinggi sekiranya aspek keselamatan diabaikan lantas mampu mengancam nyawa kanak-kanak.

Oleh sebab itu, setiap peralatan yang dikeluarkan Sasabina perlu mengikut beberapa standard yang ditetapkan pada peringkat antarabangsa seperti Malaysian Standard dan British Standard.

"Kami menekankan aspek keselamatan pada pengguna terutamanya kanak-kanak. Jadi, material yang digunakan untuk penghasilan produk permainan terdiri daripada peralatan yang selamat digunakan," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di Shah Alam, baru-baru ini.

Beliau berkata, setiap peralatan ada daya tahan yang tinggi dan jaminan selama lima

tahun. Perkara seperti ini perlu dipatuhi agar kanak-kanak tidak berhadapan dengan risiko seperti cedera ketika bermain. Atau mungkin lebih teruk daripada itu kerana material yang digunakan tidak berkualiti, mudah rosak dan berkarat.

## Buatan tempatan

Mohd Hafiz berkata, selain jaminan kualiti terhadap produk, Sasabina adalah satu-satunya pengeluar tempatan. Pada permulaan, syarikat tersebut beroperasi dalam bentuk perdagangan, iaitu mendapatkan barangan dari kilang lain dan kemudiannya dijual semula.

Namun kini, Sasabina mengorak langkah dengan membina kilang sendiri yang terletak di Kota Damansara. Setelah lebih lapan tahun beroperasi, syarikat tersebut mengeluarkan pelbagai produk selain peralatan untuk taman permainan kanak-kanak.

"Kami menjadi pengeluar bagi produk pembinaan gelanggang futsal, badminton dan takraw serta gelanggang permainan skateboard.

"Selain itu, kami juga mengeluarkan kelengkapan untuk melakukan senaman kecergasan bagi orang awam

termasuk warga tua yang berbentuk seperti gimnasium di padang permainan," katanya.

Dalam pada itu, Sasabina baru sahaja melancarkan produk baru kerjasama dengan pihak Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim).

"Kami menggunakan teknologi Frim untuk penghasilan kerusi bagi kegunaan kerusi

pejabat dan restoran. Materialnya terdiri daripada batang kayu pokok kelapa sawit," katanya sambil memberitahu syarikatnya sedang berusaha untuk menembusi pasaran antarabangsa selepas menyertai pameran di Doha, Qatar.

## Reka bentuk produk

Mohd Hafiz memberitahu, pihaknya cuba untuk mengeluarkan produk mengikut peredaran masa terkini bercirikan reka bentuk moden dari semasa ke semasa.

"Kami sentiasa membuat perubahan dalam setiap reka bentuk produk di samping mengikut permintaan," katanya sambil memberitahu syarikat mempunyai pereka grafiknya sendiri.

"Ini bermakna, pelanggan mungkin ada konsepnya sendiri jadi pereka grafik kami akan cuba memenuhi permintaan pelanggan tersebut," katanya.

Katanya, Sasabina adalah syarikat 100 peratus milik bumiputera yang dimiliki pasangan adik-beradik, Shahron Yusof dan Mazni Yusof. Kebanyakan produk dikeluarkan untuk agensi kerajaan dan swasta.

"Perniagaan ini mempunyai prospek cerah kerana majlis perbandaran dan dewan bandar raya meletakkan syarat yang mewajibkan setiap kawasan perumahan baru mempunyai taman permainan kanak-kanak sebagai kemudahan untuk penduduk," katanya.

Dalam pada itu, katanya, pihaknya juga menyediakan harga yang berpatutan untuk dimiliki. Bagi sesiapa yang berminat, bolehlah menghubunginya melalui e-mel di [hafiz@sasarec.com](mailto:hafiz@sasarec.com) atau [mohdhafiz\\_azis@yahoo.com](mailto:mohdhafiz_azis@yahoo.com) dan layari laman web <http://www.sasarec.com>.

Headline	Sasabina cipta keriangan di taman		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 May 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	27	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	702 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,861
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,583

